

Home Audio System

Arahan Pengendalian

Bersedia untuk Mula

Cakera

Peranti USB

Penala

Pengendalian Lain

Maklumat Tambahan

AMARAN

Untuk mengurangkan risiko kebakaran, jangan menutup bukaan pengudaraan perkakas dengan surat khabar, alas meja, langsir, dsb.

Jangan mendedahkan perkakas kepada punca api yang terdedah (misalnya, lilin yang menyala).

Untuk mengurangkan risiko kebakaran atau kejutan elektrik, jangan dedahkan perkakas ini kepada titisan atau percikan air, dan jangan menempatkan objek yang berisi cecair, seperti pasu, di atas perkakas ini.

Jangan pasang perkakas dalam ruang tertutup, seperti rak buku atau kabinet terbina dalam.


Oleh kerana palam utama digunakan untuk menyahsambung unit dari saluran utama, sambungkan unit kepada saluran keluar AC yang boleh diakses dengan mudah. Sekiranya anda menyedari ketidaknormalan dalam unit, nyahsambungkan palam utama dari saluran keluar AC dengan serta-merta.

Jangan dedahkan bateri atau perkakas yang telah dipasang bateri kepada haba berlebihan seperti cahaya matahari dan api.

Unit tidak dinyahsambungkan dari saluran utama selagi ia disambungkan kepada saluran keluar AC walaupun unit sendiri telah dimatikan.

AWAS

Penggunaan peralatan optik dengan produk ini akan meningkatkan bahaya mata.



Perkakas ini dikelaskan sebagai produk LASER KELAS 1. Penandaan ini terletak di bahagian luar belakang.

Perihal manual ini

- "DVD" boleh digunakan sebagai istilah umum untuk DVD VIDEO, DVD-R, DVD-RW, DVD+R atau DVD+RW.
- CD-R atau CD-RW kadang-kadang dirujuk sebagai "DATA CD".
- DVD-R, DVD-RW, DVD+R atau DVD+RW kadang-kadang dirujuk sebagai "DATA DVD".

Jadual Kandungan

Perihal manual ini.....	2
Cakera yang boleh dimainkan.....	4
Peranti USB yang serasi dengan sistem ini.....	5
Jenis yang boleh dimainkan.....	5
Panduan tentang bahagian dan kawalan	6

Bersedia untuk Mula

Menyambungkan sistem dengan selamat.....	10
Memasang pad pembesar suara	11
Menyediakan alat kawalan jauh	11
Mengesetkan jam.....	11
Menyambungkan TV anda	12
Mengesetkan sistem warna	13

Cakera

Memainkan cakera	14
Memainkan fail pada cakera ...	14

Peranti USB

Sebelum menggunakan peranti USB	16
Memindahkan muzik dari cakera ke peranti USB.....	16
Memainkan fail pada peranti USB.....	19

Penala

Mendengar radio	20
-----------------------	----

Pengendalian Lain

Mengesetkan mod main	21
Melaraskan bunyi	21
Pengendalian main balik lain	22
Mendengar bunyi dari komponen pilihan	23
Nyanyi bersama-sama: Karaoke	24
Menggunakan pemasa	24
Fungsi yang memudahkan.....	25
Menggunakan menu persediaan.....	26

Maklumat Tambahan

Langkah berjaga-jaga	28
Penyelesaian Masalah	29
Mesej.....	32
Spesifikasi	32
Hak cipta dan tanda dagang...	34

Cakera yang boleh dimainkan

DVD	DVD VIDEO DVD-ROM DVD-R ⁽¹⁾²⁾ /DVD-RW ⁽¹⁾²⁾ DVD+R ⁽¹⁾²⁾ /DVD+RW ⁽¹⁾²⁾
CD	CD-DA (CD Muzik) CD-ROM CD-R ⁽¹⁾³⁾ /CD-RW ⁽¹⁾³⁾ VIDEO CD

- ¹⁾ Jika cakera belum dimuktamadkan dengan betul, cakera tersebut tidak akan dimainkan balik. Untuk maklumat lanjut, rujuk arahan pengoperasian yang dibekalkan dengan peranti rakaman.
- ²⁾ Sistem ini menyokong UDF (Universal Disk Format) untuk DATA DVD.
- ³⁾ Sistem ini menyokong ISO 9660 Aras 1/ Aras 2 untuk DATA CD.

Cakera yang tidak boleh dimainkan

- Cakera Blu-ray
- HD DVD
- DVD-RAM
- Cakera DVD Audio
- PHOTO CD
- Super Audio CD
- Runut data CD-Extra
- Sisi bahan audio DualDisc
- DVD-R/DVD-RW/DVD+R/DVD+RW dalam mod VR (Rakaman Video)
- DVD-R/RW serasi CPRM (Content Protection for Recordable Media) yang mengandungi kandungan yang ditandakan sebagai "Salin satu kali".

Cakera muzik yang dikodkan dengan teknologi perlindungan hak cipta

Produk ini direka bentuk untuk memainkan balik cakera yang mematuhi piawaian Cakera Padat (CD). Kebelakangan ini, pelbagai cakera muzik yang dikodkan dengan teknologi perlindungan hak cipta telah dipasarkan oleh beberapa syarikat rakaman. Sila beri perhatian bahawa dalam kalangan cakera ini, terdapat beberapa yang tidak tidak mematuhi piawaian CD dan mungkin tidak boleh dimainkan oleh produk ini.

Nota mengenai DualDisc

DualDisc ialah produk cakera dua sisi disc yang menggabungkan bahan rakaman DVD di satu sisi dengan bahan audio digital di sisi lain. Walau bagaimanapun, oleh sebab sisi bahan audio tidak mematuhi piawaian Cakera Padat (CD), main balik pada produk ini tidak dijamin.


Nota mengenai operasi main balik DVD

Setengah operasi main balik untuk DVD mungkin sengaja dibataskan oleh pengeluar perisian. Memandangkan sistem ini memainkan DVD mengikut kandungan cakera, beberapa ciri main balik mungkin tidak boleh didapati.

Nota tentang DVD dua lapisan

Gambar dan bunyi main balik mungkin terganggu seketika apabila lapisan bertukar.

Kod kawasan (DVD VIDEO sahaja)

Sistem anda mempunyai kod kawasan yang dicetak pada belakang unit dan hanya akaam memainkan DVD VIDEO (main balik sahaja) yang dilabelkan dengan kod kawasan yang sama atau 

Nota tentang cakera berbilang sesi

Sistem ini boleh memainkan balik sesi berterusan pada cakera yang dirakam dengan format yang sama seperti sesi pertama. Jika sesi dirakamkan dalam format yang berbeza, sesi itu dan sesi yang berikutnya tidak boleh dimainkan balik. Sila ambil perhatian bahawa meskipun sesi dirakamkan dalam format yang sama, sesetengah sesi mungkin tidak boleh memainkan balik.

Nota tentang cakera

- Sistem hanya boleh memainkan balik cakera bulat piawai. Menggunakan apa-apa cakera selain daripada cakera piawai atau bulat (contohnya, kad, jantung, atau cakera berbentuk bintang) boleh menyebabkan pincang tugas.
- Jangan menggunakan cakera yang dilampirkan dengan aksesori yang boleh didapati secara komersial, seperti label atau gelang.

Peranti USB yang serasi dengan sistem ini

Semak tapak web di bawah ini untuk maklumat tentang peranti USB yang serasi.

Untuk pelanggan di Rusia:

<http://support.sony-europe.com/>

Untuk pelanggan di negara/ kawasan lain:

<http://www.sony-asia.com/support>

Nota

Sistem ini menyokong FAT16 dan FAT32 untuk peranti USB.

Jenis yang boleh dimainkan

Video

Format fail	Sambungan
Video Xvid	“.avi”

Muzik

Format fail	Sambungan
MP3 (MPEG1 Audio Layer 3) ¹⁾	“.mp3”
WMA ²⁾³⁾	“.wma”

Foto

Format fail	Sambungan
JPEG	“.jpg” atau “.jpeg”

¹⁾ Format MP3 PRO tidak disokong.


²⁾ Format WMA DRM, WMA Lossless dan WMA PRO tidak disokong.

³⁾ Untuk fungsi USB sahaja

Panduan tentang bahagian dan kawalan

Manual ini banyak menerangkan pengendalian yang menggunakan alat kawalan jauh, tetapi pengendalian yang sama juga boleh dilakukan dengan menggunakan butang pada unit yang mempunyai nama yang sama atau serupa.


Unit utama



Tentang fungsi kunci kanak-kanak

Anda boleh mengunci butang kecuali I/⏻ (buka/bersedia) untuk mengelakkannya dikendalikan secara tidak sengaja. Tekan dan tahan ■ (henti) pada unit sehingga "LOCK ON" atau "LOCK OFF" muncul pada paparan. Semua butang kecuali I/⏻ pada unit akan dikunci atau dibuka kuncinya.

Alat kawalan jauh



1

Butang I/⏻ (buka/bersedia)

Tekan untuk menghidupkan atau mematikan sistem.

2

Butang OPTIONS (halaman 19)

Tekan untuk memadam fail atau folder pada peranti USB yang tersambung.

3

Penderia alat kawalan jauh

4

Butang REC TO USB (halaman 17)

Tekan untuk mula memindahkan muzik dari cakera ke peranti USB yang tersambung.

5

Unit: Butang ENTER

Alat kawalan jauh: Butang ⊕ (masuk)

Tekan untuk memasukkan/ mengesahkan pengesetan.

6

Butang TUNING +/-

Tekan untuk menala ke stesen yang dikehendaki.

Butang ◀◀/▶▶ (terdahulu/ seterusnya)

Tekan untuk memilih runut, fail atau bab.

Butang ◀◀/▶▶ (undur cepat/mara cepat)

Tekan untuk mencari titik pada runut, fail atau bab.

Butang ▶ (mara perlahan)

Tekan mod jeda untuk menonton dalam gerak perlahan.

Butang PRESET +/-

Tekan untuk memilih stesen radio praset.

7

Butang ▲ OPEN/CLOSE (buka/tutup)

Tekan untuk membuka atau menutup dulang cakera.

8

Unit: Kawalan VOLUME

Putar untuk melaraskan kelantangan.

Alat kawalan jauh: Butang

VOLUME +/-

Tekan untuk melaraskan kelantangan.

9

Port ⚡ (USB) (halaman 16)

Gunakan untuk menyambung peranti USB.

10

Jek AUDIO IN L/R

Gunakan untuk menyambung komponen audio luaran.

11

Jek MIC (mikrofon)

Gunakan untuk menyambung mikrofon.

12

Butang BASS BOOST

Tekan untuk mencipta bunyi yang lebih dinamik. Anda boleh menghidupkan atau mematikan kesan dengan menekan berulang kali.

13

Butang EQ

Tekan untuk memilih kesan bunyi.

14

Unit: Butang ►|| (main/jeda)

Alat kawalan jauh: Butang ► (main), butang || (jeda)

Tekan untuk memulakan atau menjeda main balik. Untuk kembali kepada main balik daripada status jeda, tekan ► (atau ►|| pada unit).

Butang ■ (henti)

- Tekan satu kali untuk menghentikan main balik dan ingat titik henti (titik sambung semula). Tekan ► (atau ►|| pada unit) selepas ini untuk menyambung semula main balik dari titik anda berhenti. Jika anda mahu memulakan main balik dari runut/tajuk/bab yang pertama, dsb., tekan ■ dua kali, dan kemudian tekan ► (atau ►|| pada unit).
- Tekan untuk membatalkan penalaan automatik semasa mengimbas frekuensi radio.
- Tekan untuk menghentikan pemindahan muzik semasa data sedang dipindahkan ke peranti USB yang tersambung.

15

Butang FUNCTION

Tekan untuk memilih fungsi.

16

Butang ECHO

Tekan untuk melaraskan aras gema.

Butang MIC LEVEL

Tekan untuk melaraskan kelantangan bunyi mikrofon.

17

Butang TIME

Tekan untuk memaparkan atau menukar maklumat waktu semasa main balik.

18

Butang DIMMER

Tekan untuk menukar kecerahan paparan unit. Berulang kali menekan butang menukar kecerahan dalam 2 aras (terang/gelap).

19

Butang ANGLE/TIMER MENU (halaman 22, 24)

- Tekan untuk bertukar kepada sudut kamera pandangan lain apabila berbilang sudut dirakam pada DVD VIDEO.
- Tekan untuk mengesetkan pemasa main. Lihat juga penerangan untuk butang SHIFT 23.

20

Butang ↻ DVD MENU

- Tekan untuk membuka atau menutup menu DVD semasa main balik DVD VIDEO.
- Tekan untuk kembali ke skrin sebelumnya semasa beroperasi dalam senarai folder/fail yang dipaparkan pada skrin TV.

21

Butang MUTING

Tekan untuk membisukan atau menyahbisukan bunyi.

22

Butang ☺ DISPLAY (halaman 23)

Tekan untuk memaparkan atau menyembunyikan menu tarik-turun untuk mod gelintar atau untuk maklumat mengenai main balik semasa.

23

Butang SHIFT

Tekan dan tahan untuk digunakan dengan butang berlabel merah jambu (butang nombor, SLEEP 27 dan TIMER MENU 19).

24

Butang SETUP (halaman 26)

Tekan untuk membuka atau menutup menu bersedia.

25

Butang DVD TOP MENU

- Tekan untuk membuka menu atas DVD semasa memainkan DVD.
- Tekan untuk menghidupkan atau mematikan fungsi PBC semasa memainkan VIDEO CD dengan fungsi PBC.

26

Butang

Tekan untuk menggerakkan kursor untuk pemilihan item.

27

Butang AUDIO/SLEEP (halaman 20, 22, 24)


- Tekan untuk memilih format isyarat audio semasa main balik jika isyarat audio berbilang format boleh didapati.
- Tekan untuk memilih mod penerimaan FM (mono atau stereo) apabila mendengar rancangan stereo FM.
- Tekan untuk mengesetkan pemasa tidur. Lihat juga penerangan untuk butang SHIFT [23](#).

Butang SUBTITLE

Tekan untuk memilih bahasa sari kata jika sari kata berbilang bahasa boleh didapati (contohnya, DVD VIDEO).

28

Butang ZOOM

Tekan untuk mengezum masuk atau mengezum keluar gambar yang dipaparkan semasa menonton DVD VIDEO, VIDEO CD, video Xvid atau imej JPEG. Anda boleh menatal gambar ke atas, ke bawah, ke kiri atau ke kanan pada aras pembesaran yang dipilih dengan menekan  [26](#).

29

Butang PROGRAM (halaman 20, 21)

Tekan untuk mengatur cara runut CD-DA bagi main atur cara atau tekan untuk mempraset stesen radio.

Butang REPEAT (halaman 21)

Tekan untuk mengaktifkan mod main balik ulang.

30

Butang TV INPUT

Tekan untuk menukar sumber input TV antara isyarat TV dengan sumber input lain.

Apabila menggunakan sistem ini dengan TV yang boleh dikawal selain daripada TV Sony, pastikan anda mengesetkan nombor kod pengeluaran. Untuk butir-butir, lihat "Nombor kod pengeluaran untuk TV bukan Sony" (halaman 12).


Butang TV I/⏻ (buka/bersedia)

Tekan untuk menghidupkan atau mematikan TV.

Apabila menggunakan sistem ini dengan TV yang boleh dikawal selain daripada TV Sony, pastikan anda mengesetkan nombor kod pengeluaran.

Menyambungkan sistem dengan selamat

- Ⓐ Ke pembesar suara kiri
- Ⓑ Ke pembesar suara kanan
- Ⓒ Kord pembesar suara (Merah)
- Ⓓ Kord pembesar suara (Hitam)
- Ⓔ Antena kabel FM (Dipanjangkan secara mendatar.)
- Ⓕ Ke saluran keluar dinding
- Ⓖ Antena gelung AM



Ⓐ Pembesar Suara

Sambungkan kord pembesar suara.

Ⓑ Kuasa

Sambungkan kord kuasa ke saluran keluar dinding.


Ⓒ Antena

Apabila memasukkan penyambung antena kabel FM atau antena gelung AM, pastikan ia dimasukkan dalam orientasi yang betul.

Cari lokasi dan orientasi yang memberikan penerimaan yang baik semasa anda menyediakan antena. Jauhkan antena dari kord pembesar suara dan kord kuasa untuk mengelak daripada dipengaruhi hingar.


Memasang pad pembesar suara

Pasang pad pembesar suara yang dibekalkan pada setiap bucu di bahagian bawah pembesar suara untuk mengelakkannya daripada tergelincir.



Menyediakan alat kawalan jauh

Masukkan bateri R6 (saiz AA) (dibekalkan), mengikut kekutuban yang ditunjukkan di bawah.



Nota tentang penggunaan alat kawalan jauh

- Dengan penggunaan biasa, bateri sepatutnya tahan selama lebih kurang enam bulan.
- Jika anda tidak menggunakan alat kawalan jauh untuk tempoh masa yang lama, keluarkan bateri untuk mengelakkan kerosakan akibat kebocoran dan pengurangan bateri.

Mengesetkan jam

- 1 Tekan I/⏻ untuk menghidupkan sistem.
- 2 Tekan dan tahan SHIFT, kemudian tekan ANGLE/TIMER MENU untuk memilih mod set jam.

Jika "SELECT" muncul pada paparan, tekan ◀◀/▶▶ berulang kali untuk memilih "CLOCK", dan kemudian tekan ⊕ (masuk).


- 3 Tekan ◀◀/▶▶ untuk mengesetkan jam, dan kemudian tekan ⊕.
- 4 Gunakan tatacara yang sama untuk mengesetkan minit. Pengesetan jam hilang apabila anda mencabut kord kuasa atau jika berlaku kegagalan kuasa.

Untuk memaparkan jam

Tekan TIME. Jam dipaparkan selama beberapa saat.


Menyambungkan TV anda

Sambungkan jek input video TV anda ke jek VIDEO OUT pada unit menggunakan kord kabel yang dibekalkan.



Semasa menyambungkan dek video

Sambungkan TV dan dek video menggunakan kord video dan audio (tidak dibekalkan) seperti yang ditunjukkan di bawah.



Jangan sambungkan secara terus.

Jika anda menyambung dek video antara sistem ini dengan TV, anda mungkin mengalami kebocoran video apabila menonton isyarat video dari sistem ini. Jangan menyambungkan dek video antara sistem ini dengan TV.

Nombor kod pengeluar untuk TV bukan Sony

Sistem ini menyokong pengeluar TV berikut. Pastikan anda mengesetkan nombor kod pengeluar yang sepadan.

- 1 Tekan I/⏻ untuk menghidupkan sistem.
- 2 Tekan dan tahan SHIFT, kemudian tekan butang nombor untuk memasukkan nombor kod pengeluar semasa menekan dan tahan TV I/⏻.

Jika lebih daripada satu nombor kod disenaraikan, cuba masukkan satu demi satu sehingga anda menemui nombor yang berfungsi dengan TV anda.

Pengeluar	Nombor kod
SONY	01 (lalai)
HITACHI	02, 24
LG/GOLDSTAR	04, 76
NEC	04
PHILIPS	06, 08, 21, 72
TOSHIBA	07, 38
RCA	10
PIONEER	16
PANASONIC	17, 19, 49
SHARP	18, 29
SAMSUNG	20, 71
JVC	33

Mengesetkan sistem warna

Tukar sistem warna jika perlu dari [PAL], [NTSC] atau [Auto] selepas menyambungkan TV anda.

- 1 Tekan I/⏻ untuk menghidupkan sistem.**
- 2 Tekan FUNCTION berulang kali untuk menukar fungsi kepada DVD/CD.**

Main balik bermula secara automatik jika cakera dengan fungsi main balik auto dimuatkan. Tekan ■ dua kali untuk menghentikan main balik.
- 3 Tekan SETUP dalam mod henti.**

Menu persediaan muncul.
- 4 Tekan ⬆/⬇ berulang kali untuk memilih pengesetan [SCREEN], kemudian tekan ⊕.**
- 5 Tekan ⬆/⬇ berulang kali untuk memilih pengesetan [TV System], kemudian tekan ⊕.**
- 6 Tekan ⬆/⬇ berulang kali untuk memilih [PAL], [NTSC] atau [Auto], kemudian tekan ⊕.**
- 7 Tekan SETUP untuk mematikan menu persediaan.**

Nota

Paparan di skrin TV mungkin terganggu seketika selepas menukar sistem warna.

Memainkan cakera

- 1 Tekan **FUNCTION** berulang kali untuk memilih fungsi DVD/CD.
- 2 Tekan **▲ OPEN/CLOSE** pada unit untuk membuka dulang cakera.
- 3 Letak cakera dalam dulang cakera, kemudian tekan **▲ OPEN/CLOSE** pada unit untuk menutup dulang cakera.
Main balik bermula secara automatik apabila anda menutup dulang cakera.
Jika main balik tidak bermula secara automatik, tekan **▶**.
- 4 Tekan **VOLUME +/-** untuk melaraskan kelantangan.

Memainkan fail pada cakera

- 1 Tekan **FUNCTION** berulang kali untuk memilih DVD/CD.
- 2 Tekan **▲ OPEN/CLOSE** pada unit untuk membuka dulang cakera.
- 3 Letak cakera dalam dulang cakera, kemudian tekan **▲ OPEN/CLOSE** pada unit untuk menutup dulang cakera.

- 4 Tekan **◀/▶** berulang kali untuk memilih jenis media (muzik/foto/video), kemudian tekan **⊕** (atau **▶**).




- 5 Tekan **VOLUME +/-** untuk melaraskan kelantangan.
Jika anda mahu memainkan fail yang berlainan, hentikan main balik, dan kemudian ikut tatacara di bawah ini.

Untuk memainkan fail yang dikehendaki

- 1 Tekan **DVD MENU** atau **↕/↔** untuk menggerakkan kursor ke **...**, kemudian tekan **⊕**.
- 2 Tekan **↕/↔** untuk menggerakkan kursor ke folder yang mengandungi fail yang hendak dimainkan, kemudian tekan **⊕** (atau **▶**).
- 3 Tekan **◀◀/▶▶** atau **↕/↔** untuk menggerakkan kursor ke fail yang dikehendaki, kemudian tekan **⊕** (atau **▶**) untuk memulakan main balik.

(Contoh: cakera MP3)



- 4 Tekan **VOLUME +/-** untuk melaraskan kelantangan.

Untuk memainkan folder yang dikehendaki

- 1 Tekan **DVD MENU** atau **↕/↔** untuk menggerakkan kursor ke **...**, kemudian tekan **⊕**.
- 2 Tekan **↕/↔** untuk menggerakkan kursor ke folder yang dikehendaki, kemudian tekan **⊕** (atau **▶**).
- 3 Tekan **VOLUME +/-** untuk melaraskan kelantangan.

Petua

- Anda boleh memilih fail untuk dimainkan dengan menekan **◀◀/▶▶** berulang kali semasa main balik sewaktu melihat maklumat pada paparan.
- Anda boleh kembali ke skrin sebelumnya dengan menekan **DVD MENU** semasa beroperasi dalam senarai folder/fail yang dipaparkan pada skrin TV.
- Anda boleh bergerak satu halaman ke depan atau ke belakang dengan menekan **↕/↔** dalam senarai folder/fail jika halaman berbilang wujud untuk pemilihan item.

Nota

- Sistem ini boleh mengenal pasti fail atau folder pada DATA DVD atau DATA CD seperti berikut:
 - sehingga 188 folder termasuk folder akar pada DATA DVD atau DATA CD
 - sehingga 999 fail pada DATA DVD atau DATA CD
- Sesetengah fail mungkin tidak dimainkan bergantung pada format, kaedah pengkodan atau keadaan rakaman.
- Masa yang lama mungkin diperlukan untuk membaca fail jika terdapat banyak folder atau fail pada DATA DVD atau DATA CD.

Sebelum menggunakan peranti USB

Semak maklumat pada tapak web untuk peranti USB yang serasi menggunakan URL yang disenaraikan di bawah "Peranti USB yang serasi dengan sistem ini" (halaman 5). Untuk butir-butir tentang cara menggunakan peranti USB, rujuk panduan pengguna yang dibekalkan dengan peranti USB anda.

Nota

- Jangan menyambungkan sistem dengan peranti USB melalui hab USB.
- Sistem ini boleh mengenal pasti fail atau folder pada peranti USB seperti berikut:
 - sehingga 188 folder termasuk folder akar pada peranti USB
 - sehingga 999 fail pada peranti USB
- Masa yang agak lama diperlukan untuk membaca fail dalam hal yang berikut:
 - terdapat terlalu banyak folder atau fail pada peranti USB.
 - kapasiti ingatan peranti USB adalah sangat besar.
 - ingatan peranti USB adalah terserpih.
- Fungsi pemindahan muzik sistem ini tidak boleh digunakan jika bilangan folder pada peranti USB melebihi 188 (termasuk folder "ROOT" dan folder kosong).
- Jangan tanggalkan peranti USB semasa operasi pemindahan atau pepadaman. Berbuat demikian boleh merosakkan data pada peranti atau merosakkan peranti itu sendiri.
- Sesetengah fail mungkin tidak dimainkan bergantung pada format, kaedah pengekodan atau keadaan rakaman.
- Sesetengah peranti USB mungkin tidak berfungsi dengan sistem ini.

- Masa untuk "SEARCH" muncul mungkin lama bergantung pada jenis peranti USB yang disambungkan.

Untuk menggunakan sistem sebagai pengecas bateri

Anda boleh menggunakan sistem ini sebagai pengecas bateri untuk peranti USB yang mempunyai fungsi cas semula apabila sistem dihidupkan.

1 Tekan FUNCTION berulang kali untuk memilih fungsi USB.

2 Sambung peranti USB ke port ψ (USB).

Pengecasan bermula apabila peranti USB disambungkan kepada port ψ (USB). Untuk butir-butir, rujuk panduan pengguna yang dibekalkan dengan peranti USB anda.

Memindahkan muzik dari cakera ke peranti USB

Anda boleh memindahkan muzik dari cakera (cakera CD-DA atau cakera MP3) dengan menggunakan mod pemindahan sistem ini yang berikut.

■ Pemindahan CD SYNC

Memindahkan semua runut CD-DA dari cakera CD-DA.

■ Pemindahan folder MP3

Memindahkan fail MP3 dalam folder tertentu dari cakera MP3.

■ Pemindahan REC1

Memindahkan runut yang sedang dimainkan atau fail MP3 dari cakera.

Untuk memindahkan semua runut CD-DA atau runut CD-DA yang dikehendaki

- 1 Tekan **FUNCTION** berulang kali untuk memilih fungsi DVD/CD.
- 2 Sambung peranti USB ke port Ψ (USB).
- 3 Tekan \blacktriangle **OPEN/CLOSE** pada unit untuk membuka dulang cakera.
- 4 Letak cakera dalam dulang cakera, kemudian tekan \blacktriangle **OPEN/CLOSE** pada unit untuk menutup dulang cakera.

■ Untuk memindahkan semua runut CD-DA (pindah CD SYNC)

Tekan \blacksquare dua kali untuk menghentikan main balik, dan kemudian teruskan ke langkah 5.

■ Untuk memindahkan runut CD-DA yang dikehendaki (pindah REC 1)

Tekan $\blacktriangleleft/\blacktriangleright$ untuk memilih runut CD-DA yang dikehendaki semasa main balik, kemudian tekan \oplus (atau \blacktriangleright) untuk memulakan main balik runut yang dipilih.

- 5 Tekan **REC TO USB** pada unit. "READY" muncul pada paparan.

- 6 Tekan \oplus untuk memulakan pemindahan.

"USB REC" muncul pada paparan. Jangan tanggalkan peranti USB sehingga pemindahan selesai. Apabila pemindahan selesai, "COMPLETE" muncul pada paparan dan fail audio dalam format MP3 akan dicipta.

Untuk memindahkan fail MP3 yang dikehendaki atau folder MP3 yang dikehendaki

- 1 Tekan **FUNCTION** berulang kali untuk memilih fungsi DVD/CD.
- 2 Sambung peranti USB ke port Ψ (USB).
- 3 Tekan \blacktriangle **OPEN/CLOSE** pada unit untuk membuka dulang cakera.
- 4 Letak cakera dalam dulang cakera, kemudian tekan \blacktriangle **OPEN/CLOSE** pada unit untuk menutup dulang cakera.

Sahkan mesej "MUSIC" ditunjukkan pada paparan, kemudian tekan \oplus (atau \blacktriangleright).




- 5 Pilih fail MP3 atau folder MP3 yang anda mahu pindahkan.

■ Untuk memindahkan fail MP3 yang dikehendaki (pindah REC1)

- 1 Tekan \curvearrowright **DVD MENU** atau $\blacktriangleleft/\blacktriangleright$ untuk menggerakkan kursor ke $\square\dots$, kemudian tekan \oplus .
- 2 Tekan $\blacktriangleleft/\blacktriangleright$ untuk menggerakkan kursor ke folder yang mengandungi fail yang hendak dipindahkan, kemudian tekan \oplus (atau \blacktriangleright).

- 3 Tekan ◀◀/▶▶ atau ↕/↔ untuk menggerakkan kursor ke fail yang dikehendaki, kemudian tekan ⊕ (atau ▶) untuk memulakan main balik.



■ Untuk memindahkan folder MP3 yang dikehendaki (pindah folder MP3)

- 1 Tekan ⏻ DVD MENU atau ↕/↔ untuk menggerakkan kursor ke ⋮, kemudian tekan ⊕.
- 2 Tekan ↕/↔ untuk menggerakkan kursor ke folder yang dikehendaki, kemudian tekan ⊕ (atau ▶).
- 3 Sentuh ■ untuk menghentikan main balik.

6 Tekan REC TO USB pada unit.
"READY" muncul pada paparan.

7 Tekan ⊕ untuk memulakan pemindahan.
"USB REC" muncul pada paparan. Jangan tanggalkan peranti USB sehingga pemindahan selesai. Apabila pemindahan selesai, "COMPLETE" muncul pada paparan dan fail audio dalam format MP3 akan dicipta.

Nota tentang kandungan yang dilindungi hak cipta

Muzik yang dipindahkan adalah terhad kepada kegunaan peribadi sahaja. Penggunaan muzik yang melebihi had ini memerlukan keizinan pemegang hak cipta.

Peraturan penjanaaan folder dan fail

Pada kali pertama memindahkan fail ke peranti USB, folder ("CDDA001*", "MP3_REC1" atau "CD_REC1") dicipta betul-betul di bawah "ROOT" (dalam hal pemindahan folder MP3, folder dengan nama yang sama seperti sumber yang dipindahkan dicipta di bawah "ROOT"). Folder dan fail yang dijana seperti berikut.

Pemindahan CD SYNC

Sumber yang dipindahkan	Nama folder	Nama fail
CD-DA	"CDDA001"*	"TRACK001"*

Pemindahan folder MP3

Sumber yang dipindahkan	Nama folder	Nama fail
MP3	Sama seperti sumber yang dipindahkan	

Pemindahan REC1

Sumber yang dipindahkan	Nama folder	Nama fail
MP3	"MP3_REC1"	Sama seperti sumber yang dipindahkan
CD-DA	"CD_REC1"	"TRACK001"*

* Nombor folder dan fail diberikan secara bersiri selepas itu.

Nota

- Maklumat CD-TEXT tidak dipindahkan dalam fail MP3 yang dicipta. Sistem ini tidak menyokong pawaiaan CD-TEXT.

- Pemandangan berhenti secara automatik jika:
 - peranti USB kehabisan ruang semasa pemindahan.
 - bilangan fail audio dan folder pada peranti USB mencapai had bagi bilangan yang boleh dikenal pasti oleh sistem.
- Jika folder atau fail yang anda cuba pindahkan sudah wujud pada peranti USB dengan nama yang sama, nombor turutan ditambah selepas nama tanpa menulis ganti folder atau fail asal.
- Jangan menggunakan butang pada alat kawalan jauh atau unit semasa pemindahan untuk mengelakkan pemindahan daripada terhenti.

Memainkan fail pada peranti USB

- 1 Tekan FUNCTION berulang kali untuk memilih fungsi USB.**
- 2 Sambung peranti USB ke port ψ (USB).**
Skrin pilihan jenis media muncul pada paparan.
- 3 Tekan \leftarrow/\rightarrow berulang kali untuk memilih jenis media (muzik/foto/video), kemudian tekan \oplus (atau \blacktriangleright).**
- 4 Tekan VOLUME +/- untuk melaraskan kelantangan.**
Jika anda mahu memainkan fail yang berlainan, hentikan main balik, dan kemudian ikuti tatacara yang diterangkan dalam "Untuk memainkan fail yang dikehendaki" (halaman 15) dan "Untuk memainkan folder yang dikehendaki" (halaman 15).

Memadamkan fail dan folder audio dari peranti USB

- 1 Tekan FUNCTION berulang kali untuk memilih fungsi USB.**
- 2 Sambung peranti USB ke port ψ (USB).**
- 3 Tekan \lll/\ggg atau \uparrow/\downarrow berulang kali untuk memilih fail audio atau folder yang anda mahu padamkan, kemudian tekan \oplus (atau \blacktriangleright) untuk memulakan main balik.**
- 4 Tekan OPTIONS pada unit.**
"ERASE" muncul pada paparan.
- 5 Tekan \lll/\ggg untuk memilih "FO ERASE" (padam folder) atau "FI ERASE" (padam fail).**
- 6 Tekan \oplus .**
"COMPLETE" muncul pada paparan.

Mendengar radio

Mempraset stesen radio

- 1 Tekan **FUNCTION** berulang kali untuk memilih "FM" atau "AM".
- 2 Tekan dan tahan **TUNING +/-** selama 2 saat sehingga frekuensi mula berubah pada paparan.
Sistem ini mengimbas frekuensi radio secara automatik dan berhenti apabila menjumpai stesen yang jelas.
Jika imbasan tidak berhenti, tekan **■** untuk menghentikan imbasan, kemudian lakukan penalaan manual untuk menala ke stesen yang diinginkan. Anda boleh melakukan penalaan manual dengan menekan **TUNING +/-** berulang kali.
- 3 Tekan **PROGRAM**.
"P 01" berkelip pada paparan.
- 4 Tekan **PRESET +/-** (atau tekan dan tahan **SHIFT**, kemudian tekan butang nombor) untuk memilih nombor praset.
- 5 Tekan **⊕** untuk menyimpan stesen.
- 6 Ulangi langkah 2 hingga 5 untuk mempraset stesen lain.
Anda boleh mempraset sehingga stesen 20 FM dan stesen 10 AM. Stesen pratetap dikekalkan selama kira-kira setengah hari walaupun anda mencabut kord kuasa atau jika berlaku kegagalan kuasa.

Mendengar stesen radio praset

- 1 Tekan **FUNCTION** berulang kali untuk memilih "FM" atau "AM".
- 2 Tekan **PRESET +/-** (atau tekan dan tahan **SHIFT**, kemudian tekan butang nombor) untuk memilih nombor praset.
- 3 Tekan **VOLUME +/-** untuk melaraskan kelantangan.

Petua

Apabila rancangan stereo FM mengalami hingar statik, tekan **AUDIO/SLEEP** berulang kali untuk memilih "MONO". Anda akan kehilangan kesan stereo, tetapi penerimaan akan bertambah baik.

Untuk menukar sela penalaan AM (kecuali untuk model Rusia)

Sela penalaan AM dipraset kepada 9 kHz atau 10 kHz oleh pengesetan lalai kilang. Gunakan butang pada unit untuk menukar sela penalaan AM.

- 1 Tala ke mana-mana stesen AM.
- 2 Tekan dan tahan **OPTIONS** pada unit sehingga "530" atau "531" muncul pada paparan.
Semua stesen praset AM dipadamkan.

Mengesetkan mod main

Bermain dalam tertib yang diaturcarakan (main atur cara)

Pilih runut untuk dimainkan dalam tertib yang anda kehendaki (hanya untuk cakera CD-DA). Maksimum sehingga 16 runut boleh diatur cara.

1 Tekan PROGRAM.

Paparan menu atur cara muncul pada skrin TV.

2 Tekan dan tahan SHIFT, kemudian tekan butang nombor untuk memasukkan nombor runut 2 angka ("02" untuk runut 2, misalnya).

3 Tekan \downarrow dan ulangi tataraca dalam langkah 2 untuk mengatur cara runut tambahan.

4 Tekan $\leftarrow/\uparrow/\downarrow/\rightarrow$ untuk memilih [PLAY] untuk memulakan main atur cara.

Untuk membatalkan main atur cara

Tekan \blacksquare , kemudian tekan \blacktriangleright . Main balik berubah kepada mod main normal.

Untuk memadam atur cara

Tekan PROGRAM. Kemudian, tekan $\uparrow/\downarrow/\leftarrow/\rightarrow$ untuk memilih [CLEAR], dan kemudian \oplus .

Bermain berulang kali

Tekan REPEAT berulang kali untuk memilih mod main yang diinginkan.

Mod yang dipilih muncul pada paparan.

- "REP CHP": Mengulangi bab semasa.
- "REP TIT": Mengulangi tajuk semasa.
- "REP ALL": Mengulangi semua tajuk/runut/fail.
- "REP OFF": Sistem kembali ke mod main balik normal.
- "SHUFFLE": Berulang kali memainkan fail yang dipilih secara rawak dari folder semasa. Dalam mod ini, fail yang sama boleh dimainkan lebih daripada sekali.
- "REP ONE": Mengulangi runut atau fail semasa.
- "REP FLD": Mengulangi folder semasa.

Nota

Mod yang boleh dipilih dan tertibnya berbeza bergantung pada cakera atau fail.

Melaraskan bunyi

Menjana bunyi yang lebih dinamik

Tekan BASS BOOST berulang kali semasa main balik untuk menghidupkan atau mematikan fungsi.

Pengesetan lalai digaris bawah.

- "BASS ON": Menjana bunyi yang lebih dinamik.
- "BASS OFF": Matikan fungsi.

Mengesetkan kesan bunyi

Tekan EQ berulang kali sehingga kesan bunyi yang dikehendaki dipaparkan.

Pengendalian main balik lain

Menukar sudut (hanya untuk DVD VIDEO)

Tekan **ANGLE/TIMER MENU** semasa main balik untuk memilih sudut yang dikehendaki.

Memaparkan sari kata (hanya untuk fail DVD VIDEO dan video Xvid)

Tekan **SUBTITLE** berulang kali semasa main balik untuk memilih bahasa sari kata yang diinginkan.

Menukar bunyi

Tekan **AUDIO/SLEEP** berulang kali semasa main balik untuk memilih format isyarat audio yang diinginkan.

Apabila memainkan DVD VIDEO dengan format audio berbilang, anda boleh menukar format audio daripada PCM, Dolby Digital, sebagainya. Jika DVD VIDEO tersebut dirakam dengan runut berbilang bahasa, anda juga boleh menukar bahasa audio.

Memainkan VIDEO CD dengan fungsi PBC

Apabila anda mula memainkan VIDEO CD dengan fungsi PBC (Kawalan main balik), menu PBC muncul untuk pengendalian anda. Untuk menggunakan menu PBC, tekan dan tahan **SHIFT**, kemudian tekan butang nombor untuk memilih nombor item yang dikehendaki.

Untuk main tanpa menggunakan PBC

Tekan DVD TOP MENU.

Apabila mematikan fungsi PBC, anda boleh memilih runut yang dikehendaki dengan memasukkan nombor runut.

Membesarkan gambar yang dipaparkan

Anda boleh mengezum masuk atau mengezum keluar gambar yang dipaparkan semasa menonton DVD VIDEO, VIDEO CD, video Xvid atau imej JPEG.

Tekan ZOOM berulang kali untuk membesarkan imej.

Setiap kali anda menekan butang, aras pembesaran bertukar. Anda boleh menatal gambar yang dipaparkan ke atas, ke bawah, ke kiri atau ke kanan pada aras pembesaran yang dipilih dengan menekan **▲/▼/◀/▶**.

Mencari tajuk/bab/runut, sebagainya

1 Tekan **DISPLAY** semasa main balik.

Menu tarik turun muncul di bahagian atas skrin TV.

2 Tekan **◀/▶** untuk menggerakkan serlahan ke kawasan nombor runut/tajuk/bab.

3 Tekan dan tahan **SHIFT**, kemudian tekan butang nombor untuk memasukkan nombor runut/tajuk/bab ("02" untuk runut 2 atau tajuk 2, "003" untuk bab 3, sebagai contoh).

4 Tekan **⊕** untuk melompat ke runut/tajuk/bab yang dipilih.

Melihat maklumat masa main

Tekan  **DISPLAY** berulang kali semasa main balik.

Setiap kali anda menekan butang, item yang dipaparkan bertukar. Anda boleh melihat maklumat seperti masa main berlalu dan baki masa/bab semasa. Item yang boleh dipaparkan berbeza bergantung pada sumber main balik.

Menggunakan menu tarik-turun untuk pelbagai maklumat semasa main balik

Tekan  **DISPLAY** berulang kali semasa main balik.

Menu tarik-turun muncul pada skrin TV. Selain memainkan maklumat masa, anda boleh melihat maklumat seperti mod ulang semasa, format audio yang dipilih dan bahasa sari kata, misalnya. Item yang boleh dipaparkan berbeza bergantung pada sumber main balik.

Mendengar bunyi dari komponen pilihan

Anda boleh mendengar bunyi dari komponen yang disambungkan kepada jek AUDIO IN L/R pada unit menggunakan kord audio (tidak dibekalkan).

- 1 Sambungkan jek output audio komponen anda dan jek AUDIO IN L/R sistem ini menggunakan kord audio.**
- 2 Tekan VOLUME – sehingga “VOL MIN” muncul pada paparan.**
- 3 Tekan FUNCTION berulang kali untuk memilih fungsi AUDIO IN.**
- 4 Mulakan main balik bagi komponen yang disambungkan dan tekan VOLUME +/- untuk melaraskan kelantangan.**

Nyanyi bersama-sama: Karaoke

Anda boleh menyanyi bersama-sama dengan muzik dengan menyambungkan mikrofon (tidak dibekalkan).

- 1 Sambungkan mikrofon pilihan kepada jek MIC pada unit.**
- 2 Tekan MIC LEVEL semasa menyanyi.**
- 3 Tekan \uparrow/\downarrow untuk melaraskan kelantangan bunyi mikrofon.**

■ Selepas anda selesai

Laraskan kelantangan mikrofon kepada "MIC 0" dan tanggalkan mikrofon daripada jek MIC.

Untuk melaraskan aras gema mikrofon

- 1 Tekan ECHO semasa menyanyi.**
- 2 Tekan \uparrow/\downarrow untuk melaraskan kesan gema.**

Nota

Fungsi mikrofon hanya tersedia apabila menggunakan DVD/CD dan fungsi USB.

Menggunakan pemasa

Menggunakan pemasa tidur

Anda boleh mengesetkan sistem untuk dimatikan pada waktu praset supaya anda boleh terlena sambil mendengar muzik.

Tekan dan tahan SHIFT, kemudian tekan AUDIO/SLEEP berulang kali.

Setiap kali anda menekan butang, paparan minit (baki masa) berubah sebanyak 10 minit. Apabila "AUTO" dipilih, sistem dimatikan secara automatik selepas cakera atau peranti USB semasa dihentikan, atau dalam masa 100 minit.

Untuk membatalkan fungsi pemasa tidur

Tekan dan tahan SHIFT, kemudian tekan AUDIO/SLEEP berulang kali sehingga "OFF" muncul pada paparan.

Menggunakan pemasa main

Pemasa main boleh disetkan dengan fungsi DVD/CD, USB, FM atau AM. Pastikan anda telah mengesetkan jam sebelum mengesetkan pemasa main.

- 1 Menyediakan sumber bunyi.**
- 2 Tekan dan tahan SHIFT, dan kemudian tekan ANGLE/TIMER MENU.**
- 3 Tekan \lll/\ggg berulang kali untuk memilih "PLAY SET", kemudian tekan \oplus .**
- 4 Setkan waktu untuk mula main balik.**
Tekan \uparrow/\downarrow berulang kali untuk mengesetkan jam, kemudian tekan \oplus . Ikuti tatacara yang sama untuk mengesetkan minit.

5 Ikuti tatacara yang sama seperti dalam langkah 4 untuk mengesetkan waktu bagi menghentikan main balik.

6 Pilih sumber bunyi.
Tekan $\blacktriangle/\blacktriangleright$ berulang kali sehingga sumber bunyi yang diinginkan muncul, kemudian tekan \oplus .

7 Tekan $I/\text{⏻}$ untuk mematikan sistem.

Sistem secara automatik dihidupkan sebelum waktu yang dipraset.

Jika sistem adalah hidup pada waktu praset, pemasa main tidak akan diaktifkan. Jangan mengendalikan sistem dari waktu sistem dihidupkan sehingga main balik bermula.

Untuk menyemak pengesetan

- 1 Tekan dan tahan SHIFT, dan kemudian tekan ANGLE/TIMER MENU.
- 2 Tekan $\blacktriangleleft/\blacktriangleright$ berulang kali untuk memilih "SELECT", kemudian tekan \oplus .
- 3 Tekan $\blacktriangleleft/\blacktriangleright$ berulang kali untuk memilih "PLAY SEL", kemudian tekan \oplus .

Untuk membatalkan pemasa

Ulangi tatacara yang sama seperti dalam "Untuk menyemak pengesetan" sehingga "OFF" muncul dalam langkah 3, dan kemudian tekan \oplus .

Untuk menukar pengesetan

Mulakan balik daripada langkah 1 "Menggunakan pemasa main".

Petua

Pengesetan pemasa main digunakan sehingga pengesetan dibatalkan secara manual.

Fungsi yang memudahkan

Menukar kecerahan paparan

Kecerahan paparan boleh dipilih daripada 2 aras. Pengesetan lalai digaris bawah.

Tekan DIMMER berulang kali.

- "DIM OFF": Cerah.
- "DIM ON": Gelap.

Perihal fungsi siap sedia automatik

Sistem ini dilengkapi dengan fungsi tunggu sedia automatik. Dengan fungsi ini, sistem memasuki mod tunggu sedia secara automatik dalam masa kira-kira 30 minit apabila tidak ada pengendalian atau output isyarat audio.

Anda boleh menghidupkan atau mematikan fungsi siap sedia automatik. Secara lalai, fungsi tunggu sedia automatik dihidupkan.

Tekan dan tahan $I/\text{⏻}$ pada unit semasa sistem hidup, sehingga "AUTO STANDBY ON" atau "AUTO STANDBY OFF" muncul.

Menggunakan menu persediaan

Anda boleh membuat pelbagai pelarasan untuk item menu. Item yang boleh dipaparkan mungkin berbeza bergantung pada negara atau kawasan.


Pengesetan lalai digaris bawah.

1 Tekan FUNCTION berulang kali untuk memilih fungsi DVD/CD atau USB.

2 Tekan SETUP dalam mod henti.

Menu persediaan muncul.

Kategori Item persediaan yang dipilih yang dipilih



Kategori persediaan

Opsyen

3 Tekan \uparrow/\downarrow untuk memilih salah satu kategori persediaan, kemudian tekan \oplus .

4 Tekan \uparrow/\downarrow untuk memilih item persediaan, kemudian tekan \rightarrow atau \oplus .

5 Tekan \uparrow/\downarrow untuk memilih opsyen yang anda mahu tukar, dan kemudian tekan \oplus untuk mengesahkan pilihan anda.

6 Tekan SETUP untuk mematikan menu persediaan.

Pengesetan [SCREEN]

■ [TV System]*

[PAL]: Untuk TV sistem PAL.

[NTSC]: Untuk TV sistem NTSC.

[Auto]: Untuk TV yang serasi dengan PAL dan juga NTSC.

* Pengesetan lalai adalah berbeza-beza bergantung pada negara atau kawasan.


■ [Screen Saver]

[On]: Menghidupkan penyelamat skrin apabila berhenti, tiada cakera, atau mod lenting selama lebih daripada 15 minit.

[Off]: Mematikan penyelamat skrin.

■ [TV Type]

[16:9]: Pilih ini apabila menyambungkan TV skrin lebar atau TV dengan fungsi mod lebar.



[4:3PS]: Memaparkan gambar ketinggian penuh pada seluruh skrin, dengan sisi yang diregang.



[4:3LB]: Memaparkan gambar lebar dengan jalur hitam di bahagian atas dan bawah.



Pengesetan [LANGUAGE]

■ [OSD] (Paparan Pada Skrin)

Anda boleh memilih bahasa paparan pada skrin TV.

■ [Audio]

Anda boleh memilih bahasa audio yang diutamakan bagi DVD dengan berbilang runut bunyi.

■ [Subtitle]

Anda boleh memilih bahasa sari kata yang dirakam pada DVD VIDEO.

■ [Menu]

Anda boleh memilih bahasa untuk menu cakera.

Pengesetan [AUDIO]

■ [DRC]

Melaraskan aras julat dinamik untuk output audio.

■ [Karaoke Setup]

[ECHO]: Melaraskan aras gema.
[MIC VOL]: Melaraskan aras kelantangan mikrofon.

Pengesetan [VIDEO]

■ [Brightness]

Melaraskan aras kecerahan gambar.

■ [Contrast]

Melaraskan aras kontras gambar.

■ [Hue]

Melaraskan aras rona gambar (tona warna).

■ [Saturation]

Melaraskan aras penepuan gambar.

■ [Sharpness]

Melaraskan aras ketajaman garis bentuk gambar.

Pengesetan [PREFERENCE]

■ [Rating]

Anda boleh menyekat main balik DVD yang mempunyai penarafan. Adegan boleh disekat atau digantikan dengan adegan yang lain.

Jika anda telah mengesetkan kata laluan, pastikan perlindungan kata laluan dibuka dengan memasukkan kata laluan anda (lihat "[Password]") sebelum menukar aras penarafan.

Tekan $\blacktriangle/\blacktriangledown$ untuk memilih aras penarafan daripada [0 Lock ALL] hingga [8 No Limit], kemudian tekan \oplus .

■ [Password]

Anda boleh mengesetkan kata laluan untuk pengesetan [Rating] dan [Default] untuk mengelakkan pengendalian yang tidak diingini.

Masukkan kata laluan 4 angka yang baru, dan kemudian tekan \oplus . Apabila anda mahu menukar kata laluan, masukkan kata laluan anda untuk membuka kunci medan input, dan kemudian masukkan kata laluan baru. Jika anda terlupa kata laluan anda, ikuti tatacara di bawah ini untuk mengesahkan kata laluan semasa yang disetkan.

- 1 Tekan FUNCTION berulang kali untuk memilih fungsi DVD/CD.
- 2 Tekan \blacktriangle OPEN/CLOSE pada unit untuk membuka dulang cakera.
- 3 Tekan \blacksquare , ZOOM dan \oplus seterusnya. [CUSTOM PAGE] muncul, dan anda boleh mengesahkan kata laluan semasa yang telah disetkan. Untuk keluar dari [CUSTOM PAGE], tekan SETUP.

■ [Default]

Anda boleh mengesetkan semula semua opsyen menu perediaan dan pengesetan peribadi anda kepada pengesetan lalai kilang. Jika anda telah mengesetkan kata laluan, pastikan perlindungan kata laluan dibuka dengan memasukkan kata laluan anda (lihat "[Password]") sebelum melaksanakan set semula.

Tekan \blacktriangleright untuk memilih [Restore], dan kemudian tekan \oplus .

Langkah berjaga-jaga

Tentang peletakan

- Jangan meletakkan sistem dalam ruang tertutup dengan pengudaraan yang kurang baik kerana ini boleh menyebabkan pemanasan lampau.
- Jangan memasang sistem berhampiran punca haba seperti radiator atau saluran udara, atau di tempat yang boleh kena cahaya matahari langsung, habuk berlebihan, getaran mekanikal, atau kejutan.
- Jangan memasang sistem dalam kedudukan yang condong. Ia direka untuk dikendalikan dalam kedudukan mendatar sahaja.
- Jangan meletakkan objek yang berat pada sistem.

Tentang pengendalian

- Jika sistem dibawa terus dari satu lokasi sejuk ke satu lokasi panas, atau ditempatkan dalam bilik yang sangat lembap, lembapan mungkin memeluwap pada kanta di dalam unit. Jika ini berlaku, sistem mungkin tidak beroperasi dengan betul. Dalam hal ini, keluarkan cakera dan biarkan sistem dihidupkan selama kira-kira setengah jam sehingga lembapan tersejat.
- Sekiranya apa-apa benda terjatuh ke dalam kabinet, cabut palam unit dan hantar kepada kakitangan yang berkelayakan untuk diperiksa sebelum mengendalikannya lebih lanjut.

Tentang pembersihan

Bersihkan kabinet, panel dan kawalan dengan kain lembut yang dilembapkan sedikit dengan larutan detergen lembut. Jangan menggunakan apa-apa jenis pad lelas, serbuk penyental, atau bahan pelarut seperti alkohol atau benzin. Jika anda ada apa-apa soalan atau masalah yang berkaitan dengan sistem anda, sila hubungi wakil penjual Sony anda yang terdekat.

Tentang cakera pembersih, pencuci cakera/kanta

- Jangan menggunakan cakera pembersih atau pencuci cakera/kanta (termasuk jenis basah atau semburan). Ini boleh menyebabkan pincang tugas terhadap radas.
- Sebelum dimainkan, bersihkan cakera dengan kain pembersih. Lapkan cakera dari tengah ke arah luar ke pinggirnya.
- Jangan menggunakan pelarut seperti benzin, pencair, pembersih yang boleh didapati secara komersial atau semburan antistatik yang dimaksudkan untuk LP vinil.

Tentang TV warna anda

NOTIS PENTING

Perhatian: Jika anda membiarkan imej yang sama (imej video pegun, imej paparan pada skrin, dan sebagainya) terpaparkan pada TV anda untuk tempoh masa yang lama, anda mewujudkan risiko kerosakan kekal terhadap skrin televisyen anda. Televisyen tayangan adalah lebih rentan kepada kesan ini.

Tentang memindahkan sistem

Sebelum memindahkan sistem, pastikan tidak ada cakera yang dimuatkan, dan tanggalkan kord kuasa dari saluran keluar dinding.

Tentang mengendalikan cakera

- Untuk menjaga cakera agar bersih, pegang cakera pada bahagian tepinya. Jangan sentuh permukaan.
- Jangan melekatkan kertas atau pita pada cakera.
- Jangan mendedahkan cakera kepada cahaya matahari langsung atau punca haba seperti saluran udara panas, atau meninggalkannya di dalam kereta yang diletakkan di bawah cahaya matahari langsung, suhu boleh meningkat sangat tinggi di dalam kereta.

Tentang peningkatan haba

- Walaupun sistem menjadi panas semasa pengendalian, ini bukanlah pincang tugas.
- Pada kelantangan tinggi, dengan tempoh yang lama, kabinet akan menjadi panas. Ini bukan pincang tugas. Walau bagaimanapun, elak daripada menyentuh kabinet.
- Letak sistem di lokasi yang mempunyai pengudaraan yang mencukupi untuk mencegah pembentukan haba dalam sistem.
- Untuk mengelakkan pincang tugas jangan menutup bukaan pengudaraan.

Penyelesaian Masalah

Jika anda mengalami apa-apa masalah yang berikut semasa menggunakan sistem ini, periksa panduan penyelesaian masalah ini untuk cuba membetulkan masalah sebelum meminta pembaikan. Sekiranya masalah berterusan, hubungi wakil penjual Sony anda yang terdekat.

Ambil perhatian bahawa sekiranya kakitangan perkhidmatan menukar beberapa bahagian semasa pembaikan, bahagian-bahagian ini mungkin disimpan.

Jika "PROTECT" muncul pada paparan

Cabut palam kord kuasa dengan serta-merta, dan periksa perkara-perkara berikut selepas "PROTECT" hilang.

- Adakah anda hanya menggunakan pembesar suara yang dibekalkan?
- Adakah lubang pengudaraan sistem terhalang?

Selepas anda memeriksa perkara-perkara di atas dan mendapati tiada masalah, sambungkan semula kord kuasa, dan hidupkan sistem. Jika masalah berterusan, hubungi wakil penjual Sony yang terdekat.

Kuasa

Kuasa tidak dihidupkan.

Periksa bahawa kord kuasa telah disambungkan dengan kemas.

Sistem tidak memasuki mod tunggu sedia automatik.

- Fungsi tunggu sedia automatik adalah tidak sah untuk fungsi penala.
- Sistem mungkin tidak memasuki mod tunggu sedia dalam keadaan yang berikut:
 - apabila isyarat audio dikesan.
 - semasa main balik runut atau fail audio.
 - semasa pemasa main atau pemasa tidur praset sedang dijalankan.

Gambar

Tidak ada gambar.

- Kord penyambung video tidak disambungkan dengan kemas.
- Unit tidak disambungkan kepada jek input TV yang betul.
- Sistem tidak dipilih melalui input video TV.
- Pastikan anda menyambungkan sistem dan TV anda menggunakan kord video (dibekalkan) supaya anda boleh melihat gambar.

Walaupun anda mengesetkan nisbah aspek dalam "[TV Type]" di bawah "Pengesetan [SCREEN]", gambar tidak memenuhi skrin TV.

Nisbah aspek telah ditetapkan pada cakera.

Ketaksekataan warna berlaku pada skrin TV.

Pembesar suara sistem mengandungi bahagian-bahagian magnet, maka herotan magnet boleh berlaku. Sekiranya ketaksekataan warna berlaku di skrin TV, periksa perkara-perkara berikut.

- Pasang pembesar suara sekurang-kurangnya 0.3 meter dari set TV anda.
- Jika ketaksekataan warna berterusan, matikan TV, kemudian hidupkannya selepas 15 hingga 30 minit.
- Posisikan semula pembesar suara lebih jauh dari set TV anda.

Pengesetan [TV System] tidak sepadan dengan TV anda.

Setkan semula pengesetan (lihat "[Default]" di bawah "Pengesetan [PREFERENCE]").

Bunyi

Tidak ada bunyi.

- Tekan VOLUME + berulang kali untuk melaraskan kelantangan.
- Periksa sambungan pembesar suara.
- Sistem berada dalam status jeda atau dalam mod main gerak perlahan. Tekan ► untuk kembali ke main balik normal.

Terdapat dengungan atau hingar yang teruk.

- Alihkan sistem jauh dari punca hingar.
- Sambungkan sistem ke soket dinding yang lain.
- Pasang penapis hingar (boleh didapati secara komersial) kepada kord kuasa.

Tidak ada bunyi mikrofon.

- Tekan VOLUME + berulang kali untuk melaraskan kelantangan pembesar suara.
- Tekan MIC LEVEL, kemudian tekan ⬆ untuk melaraskan kelantangan bunyi mikrofon.
- Pastikan mikrofon disambungkan kepada jek MIC dengan betul.
- Pastikan mikrofon telah dihidupkan.

Pengendalian

Terdapat dengungan atau hingar yang teruk, atau stesen tidak dapat diterima.

- Sambungkan antena dengan betul.
- Cuba lokasi dan orientasi lain untuk penerimaan antena yang lebih baik.
- Jauhkan antena dari kord pembesar suara dan kord kuasa untuk mengelak daripada dipengaruhi hingar.
- Matikan kelengkapan elektrik yang berdekatan.

Cakera tidak boleh dimainkan.

- Kod kawasan pada DVD tidak sepadan dengan sistem.
- Lembapan telah meluwap di dalam unit dan boleh menyebabkan kerosakan kepada kanta. Keluarkan cakera dan biarkan sistem dihidupkan selama kira-kira setengah jam.

Fail pada DATA DVD, DATA CD atau peranti USB tidak boleh dimainkan.

- Sistem tidak dapat memainkan fail dengan perlindungan hak cipta DRM (Digital Rights Management) atau fail yang dimuat turun dari kedai muzik dalam talian. Jika anda cuba memainkan salah satu fail ini, sistem memainkan fail audio seterusnya yang tidak dilindungi.
- Tidak ada fail yang boleh dimainkan pada cakera atau peranti USB.

Fail video tidak dapat dimainkan.

Fail video adalah lebih besar daripada 720 (lebar) × 576 (tinggi) piksel.

Nama folder atau fail tidak dipaparkan dengan betul.

Sistem hanya boleh memaparkan nombor dan huruf abjad. Aksara lain dipaparkan sebagai "-".

Cakera tidak mula dimainkan dari awal.

- Cakera berada dalam mod sambung semula main. Menekan **■** satu kali semasa main balik membuatkan sistem menyambung semula mod main. Jika anda mahu memulakan main balik dari permulaan, tekan **■** dua kali, dan kemudian tekan **▶**.
- Mod main atur cara atau main rawak mungkin telah dipilih. Hentikan main balik dan setkan mod main kepada main normal.

Cakera tidak dapat dilenting dan "LOCKED" muncul pada paparan.

Hubungi pengedar Sony anda atau pusat perkhidmatan servis Sony tempatan yang sah.

Sistem tidak berfungsi dengan normal.

Putuskan sambungan kord kuasa dari saluran keluar dinding, kemudian sambungkan semula selepas beberapa minit.

Peranti USB tidak berfungsi dengan betul.

Jika anda menyambungkan peranti USB yang tidak disokong, masalah yang berikut mungkin berlaku. Semak maklumat pada tapak web untuk peranti USB yang serasi menggunakan URL yang disenaraikan di bawah "Peranti USB yang serasi dengan sistem ini" (halaman 5).

- Peranti USB tidak dikenali.
- Nama fail atau folder tidak dipaparkan pada sistem ini.
- Main balik tidak dapat dijalankan.
- Bunyi melompat.
- Terdapat hingar.
- Bunyi terherot dioutput.

"OVER CURRENT" muncul.

- Masalah telah dikesan dengan aras arus elektrik dari port Ψ (USB). Matikan sistem dan cabut peranti USB dari port Ψ (USB). Pastikan tidak ada masalah dengan peranti USB. Jika corak paparan ini berterusan, hubungi wakil penjual Sony yang terdekat.

Pemindahan mengakibatkan ralat.

- Semak maklumat pada tapak web untuk peranti USB yang serasi menggunakan URL yang disenaraikan di bawah "Peranti USB yang serasi dengan sistem ini" (halaman 5).
- Peranti USB tidak diformatkan dengan betul. Rujuk arahan pengendalian peranti USB mengenai cara untuk memformat.
- Matikan sistem, dan tanggalkan peranti USB. Jika peranti USB mempunyai suis kuasa, matikannya dan kemudian hidupkannya semula selepas mengeluarkannya dari sistem. Kemudian laksanakan pemindahan sekali lagi.
- Peranti USB telah diputuskan sambungannya atau kuasa telah dimatikan semasa pemindahan. Padam fail yang separa dipindahkan, dan laksanakan pemindahan sekali lagi. Jika ini tidak menyelesaikan masalah, peranti USB mungkin rosak. Rujuk arahan pengendalian peranti USB mengenai cara untuk menangani masalah ini.

Fail atau folder audio pada peranti USB tidak boleh dipadam.

- Periksa sama ada peranti USB terlindung-tulis.
- Peranti USB telah diputuskan sambungannya atau kuasa telah dimatikan semasa pengendalian padam. Hapuskan fail yang separa dipadamkan. Jika ini tidak menyelesaikan masalah, peranti USB mungkin rosak. Rujuk arahan pengendalian peranti USB mengenai cara untuk menangani masalah ini.

Mesej

DISC ERR

Anda telah dimuatkan cakera yang tidak boleh dimainkan.

ERROR

Ingatan peranti USB adalah penuh.

NO FILE

Tidak ada fail yang boleh dimainkan pada cakera atau peranti USB.

NO USB

Tidak ada peranti USB disambungkan atau peranti USB yang disambungkan tidak disokong.

PLAY SET

Anda cuba memilih pemasa tetapi pemasa main belum disetkan.

SELECT

Anda telah menekan SHIFT dan ANGLE/TIMER MENU semasa pengendalian pemasa.

TIME NG

Waktu mula dan waktu tamat pemasa main yang disetkan adalah sama.

Spesifikasi

Unit utama

Bahagian amplifier

MHC-ECL7D

Output kuasa (terkadar):

60 W + 60 W (pada 3 ohm, 1 kHz, 1% THD)

Kuasa output (rujukan):

235 W + 235 W (setiap saluran pada 3 ohm, 1 kHz)

MHC-ECL6D

Output kuasa (terkadar):

30 W + 30 W (pada 8 ohm, 1 kHz, 1% THD)

Kuasa output (rujukan):

60 W + 60 W (setiap saluran pada 8 ohm, 1 kHz)

Input

Jek AUDIO IN L/R:

Kepekaan 1.2 V, galangan 10 kilohm

MIC (jek mini mono):

Kepekaan 4 mV, galangan 10 kilohm

Output

VIDEO OUT:

Aras output maks. 1 Vp-p, tidak seimbang, segerak negatif, galangan beban 75 ohm

SPEAKERS

MHC-ECL7D: menerima galangan 3 ohm

MHC-ECL6D: menerima galangan 8 ohm

Bahagian pemain cakera

Sistem:

Sistem cakera padat dan audio dan video digital

Sifat Diod Laser

Tempoh Pemancaran: Berterusan
Output Laser*: Kurang daripada
44.6 μW

* Output ini ialah ukuran nilai pada jarak 200 mm dari permukaan kanta objek pada Blok Ambilan Optik dengan apertur 7 mm.

Format sistem warna video

PAL atau NTSC

Bahagian USB

Port Ψ (USB):

Jenis A, arus maksimum: 500 mA

Bahagian penala

Stereo FM, penala superheterodin FM/AM

Julat penalaan FM:

87.5 MHz — 108.0 MHz (langkah
50 kHz)

Julat penalaan AM:

Model Rusia:

531 kHz — 1,602 kHz (langkah 9 kHz)

Model lain:

531 kHz — 1,602 kHz (langkah 9 kHz)

530 kHz — 1,610 kHz (langkah

10 kHz)

Antena: Antena kabel FM, antena gelung AM

Pembesar suara (SS-ECL7D untuk MHC-ECL7D)

Sistem pembesar suara: Sistem pembesar suara 2 hala, Refleks bes
Unit pembesar suara:

Wufer: 160 mm, jenis kon

Twitter: 40 mm, jenis hon

Galangan terkadar: 3 ohm

Dimensi (L/T/D): Kira-kira 230 mm ×
300 mm × 205 mm

Jisim: Lebih kurang 2.6 kg bersih setiap
pembesar suara

Kuantiti: 2 unit

Pembesar suara (SS-ECL6D untuk MHC-ECL6D)

Sistem pembesar suara: Sistem pembesar suara 2 hala, Refleks bes
Unit pembesar suara:

Wufer: 130 mm, jenis kon

Twitter: 40 mm, jenis hon

Galangan terkadar: 8 ohm

Dimensi (L/T/D): Kira-kira 200 mm ×
300 mm × 185 mm

Jisim: Lebih kurang 2.3 kg bersih setiap
pembesar suara

Kuantiti: 2 unit

Am

Keperluan kuasa:

AC 120 V — 240 V, 50/60 Hz

Penggunaan kuasa:

MHC-ECL7D: 70 watt

MHC-ECL6D: 50 watt

Dimensi (L/T/D, termasuk unjuran terbesar) (tidak termasuk pembesar
suara):

MHC-ECL7D: Kira-kira 193 mm ×
300 mm × 260 mm

MHC-ECL6D: Kira-kira 193 mm ×
300 mm × 260 mm

Jisim (tidak termasuk pembesar suara):

MHC-ECL7D: Lebih kurang 2.4 kg

MHC-ECL6D: Lebih kurang 2.4 kg

Kuantiti unit utama: 1 unit

Aksesori yang dibekalkan:

Alat kawalan jauh (1)

Bateri R6 (saiz AA) (1)

Antena kabel FM (1)

Antena gelung AM (1)


Kord video (1)

Pad pembesar suara (8)

Rekabentuk dan spesifikasi adalah tertakluk kepada perubahan tanpa notis.

Penggunaan kuasa tunggu sedia: 0.5 W

Hak cipta dan tanda dagang

- Sistem ini menggabungkan Dolby* Digital.
 - * Dikilang di bawah lesen daripada Dolby Laboratories.
"Dolby" dan simbol dua D adalah cap dagang Dolby Laboratories.
- Logo "DVD" ialah tanda dagang DVD Format/Logo Licensing Corporation. 
- Teknologi pengekodan audio MPEG Lapisan 3 dan paten adalah dilesen daripada Fraunhofer IIS dan Thomson.
- Windows Media adalah sama ada tanda dagangan berdaftar atau tanda dagangan Microsoft Corporation di Amerika Syarikat dan/atau negara lain.
- Produk ini dilindungi oleh hak harta intelektual tertentu Microsoft Corporation. Penggunaan atau pengedaran teknologi sedemikian di luar produk ini adalah dilarang tanpa lesen daripada Microsoft subsidiari Microsoft yang dibenarkan.
- PERIHAL MPEG-4 VISUAL: PRODUK INI DILESENKAN DI BAWAH LESEN PORTFOLIO PATEN MPEG-4 VISUAL BAGI PENGGUNAAN PERIBADI DAN BUKAN KOMERSIAL PENGGUNA UNTUK MENGEKOD VIDEO DENGAN MEMATUHI PIAWAIAN MPEG-4 VISUAL ("VIDEO MPEG-4") YANG TELAH DIKODKAN OLEH PENGGUNA YANG TERLIBAT DALAM AKTIVITI PERIBADI DAN BUKAN KOMERSIAL DAN/ATAU YANG DIPEROLEH DARIPADA PEMBEKAL VIDEO YANG DIBERIKAN LESEN OLEH MPEG LA UNTUK MEMBEKALKAN VIDEO MPEG-4. LESEN TIDAK DIBERIKAN ATAU MENJADI TERSIRAT UNTUK APA-APA KEGUNAAN LAIN. MAKLUMAT TAMBAHAN TERMASUK MAKLUMAT YANG BERKAITAN DENGAN KEGUNAAN PROMOSI, DALAMAN DAN KOMERSIAL DAN PELESENAN BOLEH DIDAPATI DARIPADA MPEG LA, LLC. LIHAT <http://www.mpegla.com/>
- Semua tanda dagang lain adalah tanda dagang pemiliknya masing-masing.

<http://www.sony.net/>



* 4 4 6 7 7 8 7 8 1 * (1)